

## PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP PENDIDIKAN VOKASIONAL

<sup>1</sup>Ali Suradin, <sup>2</sup>Mohd Noraidil Salehuddin, <sup>3</sup>Mohamad Zaid Mustafa, <sup>4</sup>Abdul Rasid Abd. Razzaq, <sup>5</sup>Ahmad Rizal Madar, dan <sup>6</sup>Mohd Yusop Ab. Hadi

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional. Objektif kajian ini adalah untuk Menilai apakah persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional samada positif atau negatif, untuk menilai tahap pengetahuan ibu bapa terhadap pendidikan vokasional dan menilai sejauh mana penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan vokasional. Kajian ini juga dijalankan adalah untuk menjelaskan kepentingan aliran vokasional dalam menuju kearah negara maju. Kajian ini akan dijalankan melalui kaedah soal selidik dan mendapatkan maklum balas responden terdiri daripada ibu bapa pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail dan Sekolah Menengah Dato Menteri yang berada di tingkatan tiga dan akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Data-data kajian akan dianalisis dalam bentuk skor min dengan menggunakan perisian SPSS. Penyelidik menjangkakan hasil kajian dapat mencapai objektif kajian iaitu untuk menilai persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional serta menilai tahap pengetahuan dan penerimaan ibu bapa terhadap pendidikan vokasional.*

### PENDAHULUAN

Pendidikan Teknikal bertujuan untuk memberi pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang tersebut dan mengekalkan kecenderungan ini supaya membolehkan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkaitan di institusi pengajian tinggi. Pendidikan Teknikal menawarkan tiga kursus iaitu Kejuruteraan Mekanikal Kejuruteraan Awam dan kejuruteraan Elektrik.

Objektif Pendidikan Vokasional ialah menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor perdagangan industri dan pertanian serta membina asas yang kukuh untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional. Terdapat lapan kursus yang ditawarkan dalam jurusan Pendidikan Vokasional ini iaitu Elektrik, Elektronik, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan & Fabrikasi Logam, Automotif, Binaan Bangunan. Penyejukan dan Penyaman Udara dan Pengurusan Perniagaan.

Pendidikan Latihan Kemahiran adalah kursus yang terbuka kepada pelajar yang pencapaian rendah yang memilih untuk meneruskan pelajaran dalam bidang kemahiran. Pelajar-pelajar akan mengikuti latihan kemahiran dalam kursus-kursus Awam, Mekanikal dan Elektrik dan Elektronik mengikut sukatan pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan selaras dengan piawaian Sijil MLVK. Pelajar dalam aliran ini akan berpeluang menceburkan diri

dalam pekerjaan di sektor swasta. Mereka juga berpeluang melanjutkan latihan kemahiran dalam bidang tertentu di Institut Latihan Kemahiran dan sijil akan dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Pendidikan teknik dan vokasional mempunyai peranan untuk memperkenalkan konsep dunia pekerjaan kepada pelajar-pelajar. Adalah lebih tepat sekali bahawa pendidikan vokasional perlulah memberi pendedahan secukupnya kepada alam pekerjaan. Kurikulum disekolah vokasional merangkumi kemahiran asas dalam pelbagai bidang yang melibatkan kemahiran.

Dalam mencapai Wawasan 2020 seperti yang disarankan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Negara memerlukan generasi-generasi yang berpendidikan tinggi serta memiliki kemahiran dalam pelbagai bidang untuk menjadi Negara maju seterusnya merialisasikan matlamat Wawasan 2020. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak kementerian untuk memperkasakan pendidikan vokasional.

Tetapi terdapat segelintir masyarakat yang memandang rendah terhadap pendidikan vokasional, ini kerana kurangnya pemahaman dan penerimaan terhadap pendidikan vokasional. Ramai yang berpendapat bahawa pendidikan vokasional adalah untuk pelajar yang lemah didalam akademik dan pelajar-pelajar yang tercicir. Jika persepsi ini tidak diubah, maka matlamat Wawasan 2020 tidak akan tercapai. Sekarang merupakan zaman teknologi dan sains, jika tenaga mahir tidak ada maka Negara kita akan mundur.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dewasa ini terdengar masih terdapat golongan masyarakat yang masih membincangkan tentang pendidikan vokasional. Memandang rendah terhadap kemampuan pendidikan ini, oleh itu persoalan yang timbul ialah untuk mengetahui persepsi masyarakat (ibu/bapa) terhadap penerimaan pendidikan vokasional. Adakah mereka mengetahui dan mengikuti dari masa ke semasa perkembangan pendidikan vokasional ini. Dalam pada masa yang sama ingin mengetahui adakah pendidikan ini mempunyai hala tuju dan manfaat dari segi peluang pekerjaan. Kajian dan tinjauan akan dapat membantu melihat sejauh mana persepsi masyarakat (ibu/bapa) terhadap penerimaan dan pengetahuan terhadap pendidikan vokasional dan golongan mana yang mengambil peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Sikap memandang rendah pada pelajar-pelajar sekolah vokasional sebagai gagal akademik masih menebal di kalangan masyarakat. Ramai juga ibubapa, terutama Pegawai Tinggi Kerajaan kurang menggalakkan anak-anak mereka yang berminat dalam bidang kemahiran untuk meneruskan pengajian dalam bidang teknik dan vokasional (Yahya, 1993). Perasaan ini timbul kerana di masa lalu murid-murid yang memasuki sekolah nasional adalah terdiri daripada mereka yang berkelulusan rendah dalam peperiksaan SRP atau kini PMR dan gagal untuk meneruskan pengajian ke Tingkat Empat di sekolah akademik. Selain daripada itu, pendidikan ini dikaitkan dengan pekerjaan kolar biru hasil daripada mereka yang gagal meneruskan pengajian akademik bagi mencapai cita-cita mendapat pekerjaan berkolar putih.

Satu kajian awal telah dijalankan di Sekolah Menengah Vokasional Kluang, melalui temubual yang dijalankan terhadap En Saat Bin Abd Rahman yang merupakan Guru Kanan Vokasional mengatakan persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional masih belum terbuka.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Beberapa persoalan ingin dikaji melalui persepsi masyarakat terhadap pendidikan vokasional antaranya seperti berikut:

- i. Apakah persepsi persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional.
- ii. Adakah terdapat perbezaan persepsi ibu bapa melalui taraf pendidikan.
- iii. Apakah persepsi berbeza antara lelaki dan perempuan.

## **OBJEKTIF**

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah ;

- i. Untuk menilai persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional.
- ii. Untuk menilai perbezaan persepsi ibu bapa melalui taraf pendidikan.
- iii. Untuk menilai perbezaan persepsi berdasarkan jantina.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Persepsi**

Persepsi ialah proses dimana manusia memilih, menerima, menyelaras dan menterjemahkan maklumat daripada persekitaran mereka (Schermerhorn, Hunt & Osborn). Persepsi manusia menjurus kearah realiti di mana minda manusia dipengaruhi oleh situasi semasa bergantung kepada pendedahan tentang sesuatu keadaan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi persepsi, antaranya ialah:

- i. Kontek situasi iaitu persepsi hasil daripada pembentukan fizikal;
- ii. pembentukan sosial dan pembentukan organisasi;
- iii. Ciri –ciri penerima iaitu keterampilan dan tingkah laku; dan
- iv. Ciri –ciri pemberi seperti keperluan, pengalaman, nilai, tingkah laku dan personaliti.

Selain daripada itu, teori Gregory (1970) mempertikaikan tentang persepsi sebagai teorikonstruktif yang bergantung kepada pemprosesan dari peringkat atas ke bawah. Bagi Gregory, persepsi merangkumi apa yang kita lihat dan mencuba untuk membuat satu tanggapan terbaik. Berkaitan dengan keutamaan yang diberikan kepada pengetahuan dan pengalaman lampau, Gregor mempertikaikan keruncingan yang timbul di dalam persepsi seseorang. Apabila kita melihat sesuatu, kita membina jangkaan persepsi yang mana dipengaruhi oleh pengetahuan kita tentang perkara tersebut. Tanggapan yang dibuat acap kali menjurus kearah sesuatu yang betul atau tepat. Walaubagaimanapun, dalam beberapa situasi, jangkaan persepsi boleh ditentukan berdasarkan masa

dan tarikh data yang kita jangkakan. Gibson (1966) menyangkal bahawa persepsi adalah sesuatu yang langsung dan tidak bergantung kepada pengujian jangkakan seperti yang dicadangkan oleh Gregory. Maklumat di dalam persekitaran umum adalah mencukupi untuk membuat jangkakan umum secara langsung. Bagi Gibson persepsi ialah apa yang dirasai iaitu apa yang anda lihat adalah apa yang anda dapat. Keadaan ini tidak memerlukan penerangan kerana maklumat yang diterima adalah mencukupi untuk kita bertindakbalas dengan persekitaran.

## **PENDIDIKAN TEKNIK**

Menurut Shahril, Habib Mat Som (1999) dan Yahya Emat (1993), tujuan pendidikan teknik adalah untuk menyediakan pelajar yang cenderung dan berminat terhadap dalam bidang teknik di peringkat sekolah menengah atas bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang teknik. Oleh itu objektif pendidikan teknik adalah seperti berikut :

- i. Memberi pendidikan akademik yang seimbang
- ii. Menyediakan pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang tersebut.
- iii. Memupuk dan mengekalkan minat terhadap pendidikan teknik dan seterusnya membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan di institusi pendidikan tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia 1986, 50)

Pengambilan pelajar ke Sekolah Menengah Teknik adalah berdasarkan kepada pencapaian keputusan PMR yang baik dan berminat dalam bidang teknik. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah lukisan teknik, lukisan jentera, kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, binaan bangunan, ilmu ukur, perdagangan dan pertanian selain mata pelajaran akademik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992, jadual

## **PENDIDIKAN VOKASIONAL**

Menurut Yahya Emat (1993) dan Kamisah Sharif (1995) Sekolah Menengah Vokasional menyediakan pendidikan vokasional untuk lepasan sekolah menengah rendah. Tujuan utamanya ialah untuk memberi latihan amali dalam bidang pelajaran yang memerlukan kemahiran disamping memberi pendidikan seperti Bahasa, Sains, Matematik bagi membolehkan pelajarannya meneruskan pelajaran serta latihan yang berlanjutan.

Objektif sekolah menengah vokasional ialah :

- i. Untuk menyediakan guna tenaga yang lengkap dengan kemahiran dan pengetahuan asas bagi sektor perindustrian dan perdagangan.
- ii. Mengadakan kurikulum yang boleh diubahsuai dan berdasar luas untuk kepentingan industri semasa dan akan datang.
- iii. Menyediakan asas pengetahuan dan kemahiran sebagai tapak pendidikan dan latihan lanjutan.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang akan digunakan adalah berbentuk kajian deskriptif. Menurut Mohd. Majid (2004), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Fenomena yang dilihat dalam kajian ini ialah persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional. Kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Dalam pembinaan soal selidik, perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengkaji ialah soalan-soalan yang dibina mudah difahami oleh responden seterusnya membolehkan mereka memberi jawapan secara jujur dan menghasilkan data yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Pemilihan lokasi kajian adalah terdiri daripada dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Menteri. Dalam kajian ini, sampel kajian diambil secara rawak mudah di mana pengkaji hanya mengambil ibu bapa yang mempunyai anak yang berada di tingkatan tiga yang berada di kelas ketiga teratas.

Data yang dikumpul daripada responden akan dianalisis berdasarkan dapatan kajian. Analisis yang dilakukan akan dapat memberikan persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional. Pemilihan prosedur penganalisan data kajian merupakan aspek yang amat penting untuk diteliti dan diambil kira dalam menjalankan kajian. Data kajian dianalisis secara berkomputer menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Prosedur statistik deskriptif diperlukan bagi membentuk profil jumlah sampel di mana taburan kekerapan dipamerkan oleh setiap nilai skor.

## **JANGKAAN HASIL KAJIAN**

Penyelidik menjangkakan hasil kajian dapat mencapai objektif kajian iaitu untuk menilai persepsi ibu bapa terhadap pendidikan vokasional.

## RUJUKAN

- Arthurs Reber, Emily S. Reber. (2001). The Penguin Dictionary of Psychology: Psychology an evolutionary approach. Third Edition. Penguins Books.
- Emat, Y. (1993). Pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Cetakan 1993. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Yahya Bin Emat. Jurnal Pendidikan, Jilid 37 Keluaran 8 Jun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia. Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020. Dicapai pada Januari 6, 2007 dari <http://aede.tripod.com/Vok.htm>
- Yasin, K. (2009, April 1). Memperkasakan aliran teknikal melalui hubungan IPTa tempatan, luar Negara. Berita Harian. Dicapai pada february 16, 2010 dari <http://jpt.mohe.gov.my/ARKIB%20dan%20PENERBITAN/keratan%20akhbar/April09/01-04/Berita%20Harian/BH-01-04-1.pdf>
- Konting, M. M. (2009). Kaedah penyelidikan pendidikan. Cetakan kelapan 2009. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2009
- Chua Yan Piaw. (2008). Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan buku 3. Cetakan 2008. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan Shahril, Mat Som, H. (1997). Siri pengajian dan pendidikan utusan. Utusan publication & distributor 1999
- Yahaya, A., Latif, J. S., Hashim, S., Boon, Y. (2006). Psikologi Sosial Alam Remaja. Cetakan kedua 2006. Batu Caves: PTS professional publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). Reka bentuk tujuan soal selidik pendidikan. Edisi pertama buku 2. Cetakan 2006. Mc Graw Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Noh, M. F. (2010, March 30). Berita Harian. Kementerian kaji sistem pendidikan vokasional Finland. Dicapai pada february 16, 2010 dari [http://bptv.edu.my/v0/index.php?option=com\\_content&view=article&id=343%3A%20Aman%20tapkan%20smv&catid=142%3A%20Aman%20Itemid=388&lang=bm](http://bptv.edu.my/v0/index.php?option=com_content&view=article&id=343%3A%20Aman%20tapkan%20smv&catid=142%3A%20Aman%20Itemid=388&lang=bm)
- Mohamed, A. (2010, April 16). Utusan Malaysia. Pelajar teknik, vokasional tidak mencukupi. Dicapai pada february 16, 2010 dari [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2009&dt=0416&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps\\_01.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2009&dt=0416&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps_01.htm)